

PENJAWAT AWAM BERWIBAWA

Oleh

Dr. Hj. Malek Shah bin Hj. Mohd Yusoff

Pendahuluan

Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada semua warga JPA yang beragama Islam, dan juga Selamat Hari Deepavali kepada warga JPA yang menyambut perayaan ini. Marilah sama-sama kita menyambut Hari Raya ini dengan perasaan penuh keinsafan dan bersyukur ke hadrat Allah swt. Bagi umat Islam, Hari Raya ini adalah manifestasi kepada kejayaan kita melaksanakan ibadah puasa dan mengharungi cabaran dan dugaan dalam bulan Ramadhan. Kita telah diwajibkan berpuasa dalam bulan Ramadhan, iaitu dari segi fizikalnya kita berlapar dan dahaga. Manakala dari segi rohani pula kita dianjurkan membina kekuatan roh dan hati dengan membaca al-Quran, bersolat tarawih dan melaksanakan amalan-amalan soleh yang lain. Dari segi minda pula kita digalakkan menghayati bacaan dan memahami terjemahan al-Quran serta menghadiri majlis-majlis ilmu. Sekiranya kita tidak dapat membina kekuatan rohani dan minda di sepanjang bulan Ramadhan yang mulia itu, maka ia merupakan satu kerugian kepada kita kerana Ramadhan 1426 H telahpun berlalu.

Banyak pengajaran yang boleh kita perolehi daripada bulan Ramadhan al-Mubarak yang lalu. Antaranya:

- (i) Ramadhan menjadikan kita lebih mentaati perintah Allah iaitu dengan menjalani ibadah puasa dengan sebaik-baiknya serta menjaga adab-adab yang boleh mengurangkan kualiti ibadat tersebut. Oleh itu hasil didikan Ramadhan harus dapat dijelmakan di dalam diri kita dengan mengamalkan nilai-nilai integriti yang tinggi dalam pengurusan dan pentadbiran.
- (ii) Kita telah ditanamkan untuk memiliki nilai-nilai positif seperti tidak membazir di dalam bulan Ramadhan. Ini juga suatu keperluan mendesak masa kini dalam usaha kerajaan untuk berjimat cermat dalam semua aspek perbelanjaan dan pengurusan.
- (iii) Di dalam bulan Ramadhan kita juga diasuh untuk membenci syaitan dan menjauhi kejahatan. Oleh itu adalah wajar bagi kita untuk meneruskannya dalam kehidupan harian dengan menjauhi kemungkar dan kemaksiatan organisasi seperti salah guna kuasa, penyelewengan, rasuah dan sebagainya. Ini juga akan membawa kepada kejayaan organisasi.

Manifestasi kepada kepentingan ketiga-tiga aspek yang telah kita lalui di dalam bulan Ramadhan iaitu aspek fizikal atau jasmani, rohani dan minda atau intelektual perlulah dijelmakan ketika menjalankan tugas harian di dalam organisasi kita sepertimana yang

dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa “semua kakitangan awam perlu mengubah sikap dan meningkatkan lagi kebolehan untuk menjadi insan yang berwibawa iaitu yang kuat dari segi mental, fizikal dan intelektual.”

Pembangunan Modal Insan Dalam Konteks Wawasan 2020 dan Islam Hadhari

Pada bulan Ogos yang lepas, Kerajaan telah pun merumuskan strategi ketika negara memasuki fasa kedua Wawasan 2020 iaitu bagi tempoh 2006 hingga 2020. Terdapat tujuh strategi dalam Strategi Fasa Kedua Wawasan 2020. Strategi yang pertama dan kedua memberi penekanan kepada aspek pendidikan dan pembangunan insan. Pendidikan dan pembangunan insan menjadi fokus penting kerana insan berpengetahuan dan cemerlang sangat penting dalam proses pembangunan sesebuah negara dan tamadun.

Aspirasi negara Wawasan 2020 dan Islam Hadhari begitu signifikan kepada kita. Wawasan 2020 berupaya mencorakkan bentuk Malaysia yang kita ingini. Manakala Islam Hadhari adalah menjadi teras atau salah satu penggerak kepada wawasan tersebut. Menerusi prinsip keempat Islam Hadhari, rakyat diminta supaya menguasai ilmu pengetahuan kerana melalui penguasaan ilmu pengetahuan akan terbentuk satu “masyarakat yang bersifat sains serta progresif, berdaya cipta dan berpandangan jauh”.

Prinsip Islam Hadhari kelima pula iaitu pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif merupakan cerminan kepada aspirasi Wawasan 2020 kelapan iaitu “membentuk sebuah masyarakat yang adil ekonominya”. Pendekatan Islam Hadhari yang mempunyai hubung kait yang rapat dengan pencapaian Wawasan 2020 mempersiapkan diri dengan nilai-nilai murni dan jati diri setiap warga Malaysia sebagai modal bagi pembangunan insan yang kukuh.

Pembangunan Modal Insan Dalam Perkhidmatan Awam

Apabila kita berbicara tentang modal insan, terutama modal insan dalam perkhidmatan awam, sudah pastilah melibatkan setiap individu yang ada di dalam perkhidmatan awam. Ini bermakna kita semua adalah tidak terkecuali. Pembangunan modal insan dalam perkhidmatan awam atau dalam sesebuah organisasi tidak hanya melibatkan sebahagian pekerja yang ada di dalam organisasi berkenaan. Setiap orang di dalam organisasi adalah terlibat. Kejayaan sesebuah organisasi dan seterusnya perkhidmatan awam adalah usaha bersama dan bergantung kepada setiap individu yang ada di dalam perkhidmatan awam.

Kita telah melihat beberapa contoh bagaimana nama perkhidmatan awam sedikit sebanyak telah tercemar akibat daripada salah laku yang telah dilakukan oleh segelintir penjawat awam, walaupun mereka yang melakukannya bukan di dalam organisasi kita. Amalan rasuah, salah guna kuasa, cuai dan tidak beradab ketika menjalankan tugas adalah beberapa isu yang sering dan pernah dihebahkan di dalam media massa. Ingatlah dengan pepatah “*kerana nila setitik, rosak susu sebelanga*”.

Pendita Za'ba di dalam bukunya *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri* menyatakan:

"Sesuatunya negeri dan bangsa menjadi naik atau turun, menjadi maju atau ketinggalan, ialah semua itu terikat sebabnya kepada sifat-sifat keadaan diri tiap-tiap seorang tunggalnya yang menjadikan bangsa itu atau yang menduduki negeri itu."

(Za'ba, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*. DBP, K.L. 1982)

Sesebuah organisasi itu ialah sebuah kumpulan yang terdiri daripada beberapa individu yang berada di dalamnya. Apabila setiap diri individu di dalam organisasi itu bekerja dengan usaha yang kuat dan cergas, serta kuat dari segi intelek, fizikal dan rohani, maka organisasi itu akan menjadi cemerlang, gemilang dan terbilang. Namun, sekiranya di dalam sesebuah organisasi itu ada individu-individu yang malap, lembap, lesu dan lemah usahanya, lebih-lebih lagi dalam bilangan yang banyak, maka organisasi tersebut akan turut menjadi lemah. Dalam konteks ini, Pendita Za'ba seterusnya menyatakan:

"Maka jika dicabut dihapuskan dari akar umbinya sifat-sifat perangai mereka yang menjadikan malap dan lemah ini, dan dibunuh buang habis segala kuman-kuman yang mencenderungkan mereka jadi lembap, lembik, lesu, dan mengantuk itu, nescaya tubuh bangsa itu akan tumbuh dengan subur dan sihat, tegap dan segar, kuat dan gagah. Dengan keadaan demikian dapatlah ia (bangsa itu) kelak terangkat naik kepada tingkat ketinggian dan kejayaan umum."

(Za'ba, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*. DBP, K.L. 1982)

Oleh itu, tidak kira apa jawatan atau tugas kita, yang penting ialah setiap kita hendaklah menjalankan tanggungjawab dengan profesional. Sekiranya kita sebagai ketua jabatan, maka tugas yang telah diamanahkan hendaklah dijalankan dengan profesional. Sekiranya kita seorang kerani, maka kita perlu menjalankan kerja yang telah ditugaskan dengan profesional. Begitu juga sekiranya kita seorang pemandu kenderaan, maka kita hendaklah menjalankan tugas kita secara profesional. Perkara penting di sini, ialah setiap kita hendaklah menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan berkesan. Jangan biarkan sehingga memaksa orang lain melaksanakan tugas kita. Sekiranya keadaan ini berlaku, maka kecemerlangan sesebuah organisasi itu sudah pasti terjejas.

Peningkatan keupayaan sumber manusia dengan membangunkan modal insan secara menyeluruh hendaklah dilakukan bagi membolehkan perkhidmatan awam terus relevan. Untuk tujuan ini, usaha-usaha ke arah pembentukan "Penjawat Awam Berwibawa" hendaklah sentiasa ditekankan dan digalakkan dengan menekankan aspek intelektual, rohani dan jasmani.

Dalam aspek intelektual, pekerja yang berpengetahuan dan sentiasa meningkatkan pengetahuannya merupakan aset yang penting dalam sesebuah organisasi. Untuk menjadi seorang pekerja yang cekap dan berjaya, kita perlu mempunyai ilmu dan kemahiran bekerja yang secukupnya. Untuk mencapai ke tahap ini, kita perlulah menambahkan ilmu pengetahuan masing-masing dari semasa ke

semasa. Antara faktor yang menjadikan daya intelektual atau ilmu pengetahuan kita tidak berkembang adalah:

- (i) Malas berfikir,
- (ii) Mempunyai minda yang terpenjara; dan
- (iii) Tidak berfikir secara menyeluruh.

Malas berfikir

Orang yang malas berfikir tidak akan dapat memajukan dirinya, malah boleh menyebabkan dirinya dikuasai oleh orang lain. Selain membaca, satu kaedah lagi yang dapat meningkatkan pengetahuan dan intelektual kita ialah dengan berfikir. Hanya orang yang berfikir boleh melakukan perubahan dan boleh menjana aktiviti yang bersifat kreatif dan membangun. Dengan rajin berfikir, kita tidak akan menjadi seorang pekerja yang stereotaip dalam melaksanakan tugas, dengan tidak mengetepikan prosedur dan peraturan yang ada. Oleh itu kita perlulah sentiasa berusaha untuk meningkatkan kekuatan intelek dengan bersedia dan rajin untuk melakukan aktiviti seperti membaca buku, menghadiri majlis ilmu serta berani berkomunikasi secara berhemah.

- **Mempunyai minda yang terpenjara**

Aspek kedua yang boleh membantutkan intelektual kita ialah minda yang terpenjara. Sepertimana yang kita sedia maklum, orang yang dipenjarakan adalah orang yang bersalah dan gerak-gerinya dikawal, tidak sebebaskan orang yang merdeka. Namun ada juga orang yang bebas hanya dari segi fizikal sahaja, tetapi mempunyai minda yang terpenjara. Seseorang itu mempunyai minda yang terpenjara kerana tidak mempunyai ilmu dan tidak pula yakin dengan ilmu yang dimilikinya. Minda mereka terpenjara kerana tidak berusaha untuk membaca bahan-bahan ilmiah, dan tidak menghadiri majlis-majlis ilmu yang dapat meningkatkan daya intelektual mereka.

- **Tidak berfikir secara menyeluruh**

Berfikir secara menyeluruh bermakna tidak melihat sesuatu isu itu berpisah antara satu dengan yang lain. Kita hendaklah melihat kepada *the big picture*. Kita hendaklah menyedari bahawa sesuatu kejadian itu berlaku ada hubungannya dengan kejadian atau fenomena yang lain. Dengan demikian penyelesaian kepada permasalahan yang dilihat perlulah mengambil kira faktor-faktor lain yang menyumbang kepada sesuatu permasalahan tersebut.

Aspek kedua yang ditekankan untuk menjadi "penjawat awam berwibawa" ialah aspek rohani atau hal-hal yang berhubung dengan iman, adab dan akhlak. Kekuatan nilai adab dan akhlak yang mulia seharusnya dijelmakan di dalam kehidupan individu bukan sahaja dalam kehidupan harian di rumah, tetapi juga di dalam organisasi atau pejabat. Kekuatan nilai adab dan akhlak yang dimiliki oleh individu di dalam sesebuah organisasi seperti menghormati orang lain, amanah dan jujur dalam menjalankan

tugas, sabar ketika dalam keadaan tertekan, bersyukur dengan rezeki yang diperolehi akan menjadikan organisasi itu cemerlang dan berkualiti. Ia bukan sahaja dapat menghasilkan produk atau perkhidmatan yang berkualiti, malah dapat mengamankan individu-individu lain yang turut berada di dalam organisasi itu.

Aspek ketiga, selain aspek intelektual dan rohani ialah jasmani. Untuk menjadi penjawat awam yang berwibawa, tubuh badan kita mestilah sihat. Oleh itu adalah penting menjaga kesihatan diri agar kita boleh menjadi pekerja yang produktif dan berwibawa. Kita mengetahui dan menyedari ada beberapa cara untuk menjaga kesihatan diri seperti bersenam, beriadah, bersukan, menjaga pemakanan harian dan juga membuang tabiat yang mendatangkan mudarat kepada kesihatan.

Hari ini saya ingin membicarakan satu aspek kesihatan yang amat penting kepada kita agar jasmani dan fizikal kita berada dalam keadaan yang sihat, iaitu tentang mengawal berat badan. Sebagaimana kita semua maklum, berat badan yang berlebihan boleh mendedahkan kita kepada risiko sakit jantung dan strok. Selain penyakit jantung dan strok, berat badan yang berlebihan juga meningkatkan kecenderungan untuk mendapat penyakit lain seperti:

- (i) Tekanan darah tinggi;
- (ii) Kolesterol tinggi; dan
- (iii) Diabetes.

Bagaimanakah kita hendak mengetahui sama ada berat badan kita normal atau terlebih berat, ataupun mungkin terkurang berat? Jika dilihat dari fizikal, kita mungkin boleh mengagak sama ada berat badan kita normal, terlebih berat atau terkurang berat. Dalam istilah saintifik, sekiranya kita mempunyai berat badan yang terlebih kita diklasifikasikan sebagai obes. Obesiti boleh ditentukan melalui Indeks Jisim Tubuh (*BMI - Body Mass Index*). BMI merupakan petunjuk tahap kesihatan kita berbanding ketinggian dan berat badan kita. Cara mendapatkan bacaan BMI kita adalah seperti yang tertera pada skrin:

$$\text{BMI} = \frac{\text{Berat badan dalam kilogram}}{\text{Tinggi (meter) x Tinggi (meter)}}$$

Kita dikatakan berada dalam keadaan obes sekiranya BMI kita adalah lebih daripada 30. Oleh itu, sekiranya kita berada dalam keadaan obes, marilah bersama-sama berusaha untuk mengurangkan berat badan kita. Amalan berpuasa patut kita teruskan, bukan hanya berpuasa pada bulan Ramadan. Selain itu, kita hendaklah sentiasa mengamalkan pemakanan seimbang dan bersenam.

Usaha-Usaha Yang Telah Dijalankan Oleh JPA Untuk Melahirkan Penjawat Awam Berwibawa

JPA sebagai sebuah agensi yang telah mendapat persijilan MS ISO 9000 dan juga sebagai pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri pada tahun 2004, hendaklah sentiasa dilihat berkualiti dan cemerlang oleh *stakeholders* dan pelanggan kita. Bagi

mengekalkan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kita, usaha-usaha penambahbaikan berterusan hendaklah sentiasa dilaksanakan untuk menjadikan setiap individu di dalam JPA “penjawat awam berwibawa”. Sekiranya kita merenung kembali, banyak usaha dan program yang telah dilaksanakan oleh Jabatan ini untuk memastikan warganya menjadi penjawat awam yang berwibawa.

Bagi aspek memantapkan minda dengan ilmu, Kerajaan melalui Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam telah pun menetapkan setiap penjawat awam diperlukan mengikuti kursus selama tujuh hari setahun. Usaha ini adalah untuk memantapkan pengetahuan penjawat agar sentiasa dalam keadaan belajar dan seterusnya dapat memahirkan diri dalam bidang tugas masing-masing. Jabatan ini telah banyak mengadakan kursus untuk memastikan agar setiap warga mempunyai pengetahuan yang terkini ketika menjalankan tugas. Di samping itu, kita juga mempunyai perpustakaan yang mempunyai bahan-bahan bacaan yang dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran.

Dalam aspek jasmani atau fizikal pula, memang banyak kemudahan yang telah disediakan oleh Jabatan ini. Kita mempunyai program-program seperti Program Regangan bagi warga JPA di Parcel C, senaman bersama Y.Bhg. Dato’ Sri KPPA pada setiap hari Rabu, sukan antara Bahagian, dan sekali sekala mempunyai aktiviti ekspedisi. Ini semua adalah sebagai usaha untuk memastikan warga JPA sihat dan cergas dalam melaksanakan tugas harian masing-masing, di samping dapat mengeratkan tali silaturrahim di antara kita dan juga mewujudkan caring society di kalangan warga JPA. Untuk makluman, INTAN ada menjalankan program khas kecergasan kepada peserta Diploma Pengurusan Awam (DPA) yang mempunyai berat badan pada tahap overweight dan obes. Oleh itu, sekiranya ada warga JPA yang ingin mengikuti program ini, kehadiran tuan-tuan dan puan-puan adalah dialu-alukan.

Dalam aspek terakhir untuk menjadi penjawat awam berwibawa iaitu aspek rohani atau moral pula, Jabatan ini telah pun mengatur program-program seperti wacana ilmu dan ceramah-ceramah yang dapat meningkatkan pengetahuan rohani dan kesedaran moral kita. Selain itu, kita juga telah diberikan kemudahan untuk mengamalkan suruhan ajaran agama masing-masing, tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan.

Penutup : Harapan Pengurusan JPA

Oleh itu, berdasarkan kemudahan dan penekanan yang telah diberikan oleh Kerajaan dan jabatan ini, marilah kita sama-sama bertekad dan berazam untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kita dengan menjadi penjawat awam yang berwibawa. Program-program yang telah diatur adalah untuk memastikan supaya kita semua warga JPA menjadi penjawat awam yang berkualiti dan juga berwibawa, di samping untuk kebaikan diri kita sebagai individu seperti dapat meningkatkan pengetahuan, menjaga kesihatan dan juga membina kekuatan rohani kita. Marilah kita bersama-sama menyertai program-program yang telah diatur seperti mengikuti kursus, menghadiri majlis ilmu yang diadakan dan memanfaatkan perpustakaan.

Pengetahuan dan kemahiran kita hendaklah dipertingkatkan dengan membaca buku, berfikir dan berkomunikasi secara berkesan dan beradab. Selain itu, kita

hendaklah mengambil iktibar dan meneruskan amalan-amalan yang telah dilaksanakan di dalam bulan Ramadan yang lalu seperti membaca al-Quran sekurang-kurangnya dua muka surat sehari dan berpuasa sunat. Ketiga-tiga aspek yang telah ditekankan untuk menjadi "Penjawat Yang Berwibawa" iaitu intelektual, rohani dan jasmani adalah menjurus untuk menjadikan kita insan yang sempurna dan pegawai yang berkualiti serta berintegriti.

Marilah kita bersama-sama berusaha menjadi penjawat awam berwibawa. Dengan menjadi penjawat awam berwibawa, kita juga sebenarnya bersama-sama mendukung usaha kerajaan untuk menjayakan sasaran Pelan Integriti Nasional (PIN) melalui Tekad 2008 iaitu lima sasaran keutamaan yang hendak dicapai oleh PIN bagi tempoh lima tahun (dari tahun 2004 hingga 2008) seperti yang berikut:

- **Sasaran 1 :**
Mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa secara berkesan;
- **Sasaran 2 :**
Meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi karenah birokrasi;
- **Sasaran 3 :**
Meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan;
- **Sasaran 4 :**
Memantapkan institusi keluarga dan komuniti; dan
- **Sasaran 5 :**
Meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.

November 2005